

**PIHAK KETIGA DALAM KONFLIK ETNIK:
KAJIAN KES PERANAN NORWAY
DI SRI LANKA**

NG MOOI RU

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Latihan Ilmiah Ini Dikemukakan Untuk Memenuhi
Sebahagian Daripada Syarat – Syarat Bagi Ijazah
Sarjanamuda Sains Sosial Dengan Kepujian

**SEKOLAH SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2009**



4000017115



HADIAH

183382

R D
09 JUN 2009
Sekolah Sains Sosial
Universiti Malaysia Sabah
PUMSS9:1

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS@

UDUL: PIHAK KETIGA DALAM KONFLIK ETNIK: KATIAN KEPERAWAN
NORWAY DI SRI LANKA

JAZAH: SARJANA MUDA SAINS SOSIAL

SAYA NG MOOI RU SESI PENGAJIAN: 2009
(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan tesis (LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hakmilik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau Kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan Oleh

(TANDATANGAN PENULIS)

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

Alamat Tetap: _____

EN-WAN SHAWALUDIN
Nama Penyelia

Tarikh: 10-07-09

Tarikh: 10-07-09

PERPUSTAKAAN UMS



1400017115

berkenaan. IT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu i SULIT dan TERHAD. in sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PERAKUAN PELAJAR

Saya mengaku bahawa Tesis Latihan Ilmiah ini adalah usaha saya sendiri kecuali nukilan-nukilan, ringkasan dan rujukan yang setiap satunya telah saya nyatakan sumbernya.



Tandatangan

Nama Pelajar : NG MOOI RU

Program Hubungan Antarabangsa

Sekolah Sains Sosial

Universiti Malaysia Sabah

10.07.09

Tarikh

PENGESAHAN PENYELIA AKADEMIK

Saya mengesahkan bahawa Tesis Latihan Ilmiah ini telah dihasilkan oleh pelajar ini mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Sekolah Sains Sosial, Universiti Malaysia Sabah.




Tandatangan

Nama Penyelia: EN. WAN SHAWALUDDIN

Penyelia Akademik

Sekolah Sains Sosial

Universiti Malaysia Sabah



Tarikh



PENGHARGAAN

Saya berasa syukur kepada tuhan kerana dengan kurniaNya, melalui, kekuatan, kesabaran, dan keberkatan yang telah Dia berikan, maka mengizinkan saya untuk menghabiskan projek penyelidikan tahun akhir iaitu Latihan Ilmiah saya ini dengan jayanya.

Seterusnya saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih dan penghargaan kepada Penyelia Latihan Akademik saya, En Wan Shawaluddin Wan Hassan yang tidak pernah jemu dalam memberi nasihat, tunjuk ajar, bimbingan serta membetulkan kesilapan sepanjang saya menjalankan Latihan Ilmiah mahupun rakan-rakan lain di bawah seliaan beliau. Sesungguhnya tanpa bimbingan dan tunjuk ajar tersebut, perjalanan penyelidikan Latihan Ilmiah ini pasti akan lebih sukar dilakukan.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pensyarah saya, iaitu En Zaini Othman, Pn Marja Azlima Omar, En Rizal Zamani Idris, Prof Madya Dr Asmady Idris, Prof Madya Dr Mohd Noor Mat Yazid yang banyak mencurahkan ilmu yang tidak ternilai kepada saya selama tiga tahun dalam pengajian di UMS.

Terima kasih yang tidak terhingga ingin saya ucapkan kepada seluruh ahli keluarga yang dicintai kerana sering bersabar dengan karenah saya selain memberi nasihat, dorongan dan kewangan yang mencukupi sehinggalah Latihan Ilmiah ini dapat disiapkan dengan sepenuhnya. Akhirnya, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan dan kawan-kawan saya yang telah memberi galakan, nasihat, dan bantuan kepada saya dalam menyiapkan Latihan Ilmiah ini.

Sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada kalian semua atas budi baik dan kerjasama yang telah diberikan. Segala jasa dan bakti mereka amat dihargai dan akan dikenang sentiasa.

Ng Mooi Ru



ISI KANDUNGAN

	Halaman
HALAMAN JUDUL	i
PERAKUAN PELAJAR	iii
PENGESAHAN PENYELIA AKADEMIK	iv
PENGHARGAAN	v
SENARAI KANDUNGAN	vi
SENARAI CARTA / RAJAH / GAMBAR	ix
SENARAI SINGKATAN	x
ABSTRAK – BAHASA MELAYU	xi
<i>ABSTRAC – ENGLISH</i>	xii
BAB 1 : PENDAHULUAN	
1.0 Pengenalan	1
1.1 Permasalahan Kajian	4
1.2 Objektif Kajian	4
1.3 Konsep Pihak Ketiga	4
1.4 Metod & Teknik Pengumpulan Data	5
1.5 Skop Kajian	5
1.6 Kepentingan Kajian	6
1.7 Sorotan Literatur	6
1.8 Pembahagian Bab	9

BAB 2 : KONSEP PIHAK KETIGA

2.0	Konsep Pihak Ketiga	11
2.1	Strategi Yang Digunakan Oleh Pengantara Pihak Ketiga	14
2.2	Keperluan Asas Sebagai Pihak Ketiga	15
2.3	Perbezaan Jenis Campurtangan	17
2.4	Diplomasi Trek Kedua	19
2.5	Bentuk-Bentuk Pihak Ketiga	19
2.5.1	Negara	20
2.5.2	Organisasi Serantau	20
2.5.3	INGOs	21

BAB 3 : SEJARAH & PERKEMBANGAN KONFLIK ETNIK DI SRI LANKA

3.0	Sejarah Sri Lanka Zaman Sebelum Penjajahan	23
3.1	Sejarah Sri Lanka Zaman Semasa Penjajahan	28
3.2	Sejarah Perkembangan Konflik Etnik Di Sri Lanka	33
3.3	Proses Keamanan 1950 – 1980	38
3.4	Campurtangan India	39
3.4.1	<i>All Party Conference</i>	40
3.4.2	<i>The 1985 Thimpu Talks</i>	41
3.4.3	Cadangan 19 Disember 1986	43
3.4.4	<i>The 1987 Indo-Sri Lankan Accord</i>	44
3.5	Punca-punca Konflik Etnik Sri Lanka	47
3.5.1	Isu Bahasa	48
3.5.2	Isu Ekonomi	49

3.5.3	Isu Pendidikan	50
-------	----------------	----

BAB 4 : PENGLIBATAN NORWAY DALAM KONFLIK ETNIK DI SRI LANKA

4.0	Norway	51
4.1	Norway Sebagai Pihak Ketiga	54
4.2	Pihak Ketiga Norway Di Sri Lanka	56
4.3	<i>Memorandum of Understanding (MoU)</i>	61
4.4	Misi Pemantauan Sri Lanka (SLMM)	63
4.5	<i>Face To Face Talks</i> dengan Pihak Norway	66
4.6	Cabaran Norway	70
4.7	Punca Kegagalan Norway	72

BAB 5 : KESIMPULAN

80

RUJUKAN

83

LAMPIRAN

I	Peta Sri Lanka	88
II	Kedudukan Sri Lanka di Benua Asia	89
III	Biodata Penulis	90

SENARAI CARTA

No:		Halaman
Carta Pai 1:	Agama di Sri Lanka	25
Carta pai 2:	Jumlah Populasi Penduduk Sri Lanka	25

SENARAI RAJAH

Rajah 1 :	Initiasif Keamanan yang utama di Sri Lanka	38
Rajah 2 :	Misi Pengaman Norway Bersama PBB	53

SENARAI GAMBAR

Gambar 1:	Kedudukan Sri Lanka di rantau Asia Selatan	3
Gambar 2:	Etnik Sinhala di Sri Lanka	26
Gambar 3:	Etnik Tamil di Sri Lanka	26
Gambar 4:	Peta Sri Lanka	88
Gambar 5:	Kedudukan Sri Lanka di Benua Asia	89

SENARAI SINGKATAN

GOSL	Government of Sri Lanka
LTTE	The Liberation Tigers of Tamil Eelam
SAARC	South Asian Association for Regional Cooperation
CNC	Ceylon National Congress
TULF	Tamil United Liberation Front
UNP	United National Party
SLFP	Sri Lanka Freedom Party
FP	The Tamil Federal Party
DDCs	District Development Councils
DMK	Dravida Munnetra Kazhagam
APC	All-Party Conference
IPKF	Indian Peace Keeping Forces
NORAD	Norwegian Agency for Development Cooperation
CFA	Ceasefire Agreement
MoU	Memorandum of Understanding
PA	The People's Alliance
SLMC	Sri Lanka Muslim Congress
SLMM	Sri Lanka Monitoring Mission
ISGA	Interim Self-Governing Authority

ABSTRAK

Konflik etnik merupakan satu fenomena yang berlaku dalam politik antarabangsa. Konflik etnik boleh menjadi semakin buruk jika tidak ada penglibatan pihak luar dalam menanganinya. Campurtangan pihak ketiga merupakan salah satu usaha yang dilakukan oleh pihak antarabangsa dalam menangani konflik etnik. Kajian ini dibuat untuk mengkaji proses perundingan Sri Lanka pada tahun 2000-2006 yang dilakukan oleh Norway. Norway merupakan pihak ketiga dalam menyelesaikan konflik ini. Konsep pihak ketiga telah digunakan untuk diaplikasi dalam peranan Norway. Kajian ini mendapati penglibatan Norway sebagai pihak ketiga adalah tidak begitu berkesan. Ini disebabkan oleh perubahan politik dalaman Sri Lanka dan politik di arena antarabangsa. Masalah politik dalaman Sri Lanka adalah berpunca daripada krisis politik tradisional Sri Lanka dimana terdapat dua pihak parti Sinhala yang utama di Sri Lanka cuba untuk berebut kuasa bagi kepentingan masing-masing. Perebutan kuasa oleh kedua-dua parti Sinhala ini menjadi penghalang kepada Tamil Sri Lanka memenuhi tuntutan kuasa politik mereka. Malah di peringkat antarabangsa usaha melabelkan LTTE sebagai pertubuhan pengganas telah memberi kesan yang mendalam dalam persengketannya dengan kerajaan Sri Lanka.



ABSTRACT

Ethnic conflict is a phenomenon in international politics. Ethnic conflict could be even worse if there is no intervention from outside to address the issue. Third party mediation is one of the efforts which are carried out by international party in resolving ethnic conflict. The purpose of this study is to study the negotiation process in the Sri Lankan conflict during the years 2000-2006 sponsored by the Norwegian government. Norway was as third party role in resolving this conflict. Third party concept has been used to be applied in explaining Norway's role. One of the major findings of the study is that the Norwegian facilitation has not been very effective mainly due to both domestic and international political developments in recent years. In the case of domestic politics, the Sri Lankan political arena has a tradition of political crisis which is mainly a result of the two major Sinhalese parties fighting for power. These parties have been blocking any sustainable solution for Tamil demands while focusing on their political power. Meanwhile on the international front, by labeling LTTE as a terrorist group has badly affected its image in its rivalry back home in Sri Lanka with the Sinhalese Government.



BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 PENGENALAN

Konflik merupakan satu fenomena yang biasa dalam politik antarabangsa. Secara umumnya, konflik bererti suatu proses sosial antara dua atau lebih kelompok yang mana terdapat kelompok yang berusaha untuk menyingkirkan kelompok yang lain dengan cara menghapuskannya atau membuatkan kelompok tersebut lumpuh dan tidak dapat bertahan sebagai satu kumpulan etnik¹. Jika dibuat perbandingan dalam sistem antarabangsa, antara perang-perang yang berlaku, hanya terdapat tujuh perang yang dikatakan perang besar yang melibatkan kebanyakan negara di dunia. Namun, sejak 1989 hingga 2004 dianggarkan lebih kurang 109 konflik yang melibatkan konflik etnik yang membawa kepada perang saudara.²

Konflik etnik merupakan konflik yang melibatkan etnik-etnik yang terdapat dalam sesebuah negara. Konflik ini pada mulanya tidak bersifat antarabangsa kerana ianya tidak melibatkan negara lain dalam konflik tersebut. Konflik ini boleh wujud apabila wujudnya pertentangan atau pertembungan antara satu atau lebih kumpulan etnik bagi memenuhi kepentingan, matlamat atau hak untuk survival masing-masing.

Semenjak 1816-1945 dianggarkan sebanyak $\frac{3}{4}$ konflik dunia yang berlaku merupakan perang saudara.³ Walau bagaimanapun, perang saudara boleh muncul dalam persekitaran yang mempunyai karakter yang sama seperti persekitaran di mana terdapat kepelbagaian kumpulan etnik yang berjuang atas dasar kebebasan. Persekitaran yang sebegini cenderung untuk menimbulkan konflik yang bersifat perang saudara. Konflik bersenjata dalam negara yang juga dikenali sebagai perang saudara telah meletus jauh lebih kerap berbanding perang antara negara.⁴ Antara

¹ A. Chayes, & M. Minow. 2003 "Imagine Coexistence: Restoring Humanity After Violent Ethnic Conflict". San Fransisco: Jossey – Bass. (hlm 7)

² www.wikipedia.com/civilwar, dimuat turun pada 15 Nov 2008

³ *Ibid*

⁴ Charles Kegley, W. Jr. and Wittkopf Eugene R. 2004. "World Politics: Trend and Transformation" (Ninth Edition), United States of America: Thomson Wadsworth. (hlm. 424)



perang saudara yang telah lama meletus termasuklah Afghanistan, Colombia, Peru, Rwanda, Sri Lanka dan Sudan – masing-masing berjuang untuk berkuasa ke atas negara dan dijana oleh pertelingkahan etnik, puak, atau agama.⁵ Persaingan dalaman di antara kelompok-kelompok tertentu yang berusaha untuk menguasai sesebuah negara. Kegagalan pihak pemerintah untuk mengimbangkan sosio-ekonomi antara kaum-kaum yang terdapat dalam sesebuah negara boleh mengakibatkan berlakunya konflik dalaman.

Konflik yang berlaku berlatarbelakangkan perbezaan ciri-ciri yang dibawa oleh individu dalam suatu interaksi. Perbezaan boleh mencakupi perbezaan dari segi etnik, agama, budaya dan sebagainya. Ciri-ciri interaksi sosial individu, konflik merupakan situasi yang biasa berlaku dalam setiap masyarakat dan tidak ada satu masyarakat pun yang tidak pernah mengalami konflik antara anggotanya atau dengan kelompok masyarakat lainnya, konflik hanya akan hilang jika masyarakat itu sendiri musnah.⁶

Konflik adalah ekspresi perjuangan diantara dua belah pihak yang saling bergantung untuk mencapai matlamat tertentu, dimana kedua-dua pihak itu tidak berada di situasi yang sama dalam mencapai matlamat yang sama, perebutan sumber yang terhad dan kadang-kala mereka melihat situasi ini sebagai adanya campurtangan pihak lain dalam usaha mencapai matlamat.

Oleh itu, salah satu konflik yang sangat menarik untuk dikaji adalah konflik Sri Lanka. Sri Lanka secara rasmi dikenali sebagai Republik Sosialis Demokratik Sri Lanka (juga dikenali sebagai Ceylon sebelum tahun 1972) Nama terkini iaitu Sri Lanka adalah hasil gabungan perkataan Sanskrit "Lanka" yang bermaksud pulau dan "Sri" yang bermaksud suci. "Lanka" juga merujuk kepada nama pulau yang terdapat dalam hikayat kuno India iaitu Mahabrata dan Ramayana.⁷

Sri Lanka adalah sebuah negara kepulauan yang terletak di Asia Selatan yang terletak kira-kira 31 km dari pantai selatan India. Secara geografi, Sri Lanka terletak di Lautan India, di Barat Daya Teluk Bengal dan di Tenggara Laut Arab. Teluk

⁵ *Ibid*, (hlm. 425)

⁶ *Ibid*, (hlm. 425)

⁷ "Sri Lanka" dalam http://en.wikipedia.org/Sri_Lanka, dimuat turun pada 17 Nov 2008.

Mannar dan Semenanjung Palk memisahkan Sri Lanka dengan bahagian selatan tanah besar India.⁸



Gambar 1: Kedudukan Sri Lanka di rantau Asia Selatan.⁹

Konflik etnik di Sri Lanka telah menjadi sejarah kepada Sri Lanka. Populasi etnik yang utama di Sri Lanka adalah Sinhala Buddha yang merupakan majoriti sebanyak 74% manakala Tamil Sri Lanka sebanyak 12.6%, Tamil India 5.4%.¹⁰ Golongan Sinhala menganggap bahawa mereka penduduk asal negara pulau Sri Lanka yang dahulu dikenali sebagai Ceylon. Mereka seolah-olah enggan menerima kehadiran orang-orang Tamil dari India yang merupakan kira-kira 20% daripada penduduk Sri Lanka.¹¹ Aspirasi perjuangan golongan minoriti Tamil di Sri Lanka berjaya ditindas oleh pemerintah di Colombo sebelum 1960-an.

Pada 1970-an, keadaan konflik di Sri Lanka menjadi agak serius apabila penduduk berketurunan Tamil menyuarakan ketidakpuashatian hati dan menjadi semakin lantang dan militan dalam perjuangan mereka. Oleh itu, pelbagai kumpulan perjuangan telah dibentuk. Salah satu daripada kumpulan perjuangan adalah *The Liberation Tigers of Tamil Eelam* (LTTE). Perjuangan mereka bukan lagi sekadar ingin membentuk sebuah kawasan dan wilayah yang berasingan berautonomi, malahan

⁸ *Ibid.*

⁹ Sumber dari "South Asia" dalam <http://www.crisisgroup.org/home/index.cfm?id=1263&l=1>.

¹⁰ "Sri Lanka" dalam http://en.wikipedia.org/Sri_Lanka, dimuat turun pada 17 Nov 2008.

¹¹ *Ibid.*

mereka mahu sebuah negara Tamil yang merdeka di Sri Lanka. Oleh itu, keinginan pemisah Tamil mewujudkan sebuah negara sendiri di Sri Lanka tidak padam.

1.1 PERMASALAHAN KAJIAN

Kajian ini menghuraikan tindakan dan bantuan yang dihulurkan oleh Norway kepada Sri Lanka yang menghadapi masalah etnik dalaman. Oleh demikian, persoalan yang ingin dikaji ialah :

Sejauhmanakah peranan Norway dalam menangani krisis/konflik Sri Lanka.

1.2 OBJEKTIF KAJIAN

- i) melihat punca dan sebab berlakunya konflik etnik di Sri Lanka
- ii) meninjau penglibatan Norway dalam menangani krisis-krisis yang berlaku di Sri Lanka, dan
- iii) mengkaji kejayaan atau kegagalan penglibatan Norway dalam konflik etnik Sri Lanka

1.3 KONSEP PIHAK KETIGA

Dalam kajian ini, penulis telah menggunakan konsep pihak ketiga untuk mengaitkan tindakan dan usaha Norway dalam menjalankan operasi keamanan di Sri Lanka. Menurut satu artikel yang dihasilkan oleh *Conflict Research Consortium, University of Colorado, USA* yang bertajuk "*Third Party Intervention*" telah mendefinisikan konsep pihak ketiga sebagai seseorang atau sekumpulan yang tidak terlibat dalam konflik untuk membantu pihak yang bertelingkah untuk menguruskan dan menyelesaikan konflik.¹² Maka, pihak ketiga sering didefinisikan sebagai pihak yang tidak serta dalam mana-mana perjanjian dan tidak berpihak kepada mana-mana pihak yang

¹² "third party intervention" dalam <http://www.colorado.edu/conflict/peace/treatment/3ptyint.htm>
dimuat turunkan pada 3 March 2009

bersengketa. Dalam artikel ini, penulis telah membahagikan empat cara yang boleh dimainkan oleh pihak ketiga iaitu sebagai *Consultant, Facilitators, Mediators* dan *Arbitrator*. Oleh itu, penglibatan Norway dalam konflik Sri Lanka dikatakan sebagai pihak ketiga. Ini kerana Norway bukan salah satu yang terlibat dalam konflik itu. Norway hanya campurtangan untuk menyelesaikan dan menjadi orang tengah dalam konflik itu. Walaupun penglibatan Norway dalam konflik ini tidak memberi manfaat kepadanya.

1.4 METOD & TEKNIK PENGUMPULAN DATA

Dalam menjalankan kajian ini, pengumpulan data adalah penting bagi pengkaji untuk dijadikan sebagai rujukan asas. Penganalisaan dibuat terhadap pelaksanaan dasar-dasar Norway dan menilai pencapaian matlamat sebagai pihak ketiga oleh negara Norway pada tahun 2000-2006. Untuk melengkapikan kajian ini, kaedah yang dapat penulis kumpulkan data adalah melalui kajian perpustakaan. Antara pusat sumber yang telah dikunjungi sepanjang penyelidikan yang dijalankan sepanjang kajian dan penyelidikan dijalankan adalah seperti Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah (UMS), Perpustakaan Negeri Sabah, Kota Kinabalu dan Perpustakaan Dewan Pustaka & Bahasa (Kota Kinabalu).

Penulis juga menggunakan sumber-sumber sekunder seperti buku-buku penulisan, jurnal-jurnal, kajian-kajian lepas, artikel, akhbar dan peta di pusat sumber yang dikunjungi oleh penulis. Selain itu hasil kajian turut diperolehi melalui penyelidikan dan kajian dengan melayari laman web yang paling banyak membantu semasa kajian dijalankan. Menerusi bahan-bahan laman web banyak membantu dalam memperolehi data-data mengenai konflik di Sri Lanka dengan campurtangan pihak ketiga Norway.

1.5 SKOP KAJIAN

Skop kajian ini adalah pada tempoh tahun 2000 sehingga 2006. Penulis memilih tempoh ini kerana tempoh ini adalah tempoh proses keamanan di Sri Lanka yang melibatkan Norway. Norway mula bekerjasama dengan Sri Lanka dan LTTE apabila kedua-dua pihak telah menandatangani perjanjian *Cease-Fire 2002* tujuan untuk

menamatkan perang saudara yang berlaku selama 19 tahun. Selain itu, Norway juga telah menubuhkan *Sri Lanka Monitoring Mission* (SLMM). Namun pada masa ini (2002-2003), beberapa rundingan damai sedang diadakan antara kedua-dua pihak atas naungan Kerajaan Norway dan dijangka kedamaian akan tercapai.¹³ Norway bukan sahaja menjadi orang tengah malah juga menjadi penyelia dan pendamai dalam perjanjian SLMM. Hubungan antara kerajaan dan LTTE mula renggang apabila berlakunya serangan LTTE ke atas 12 orang tentera laut Sri Lanka pada tahun 2005. maka, satu rundingan telah diadakan di Norway yang bertujuan mengembalikan keamanan semula antara kerajaan Sri Lanka dan LTTE pada tahun 2006.

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Selain daripada minat penulis pada sejarah, budaya dan etnik di Sri Lanka, penulis memilih tajuk ini sebagai latihan ilmiahnya kerana penulis amat merasakan Norway mungkin akan berjaya dalam menangani krisis di Sri Lanka. Walaupun Norway masih belum mencapai matlamatnya, namun kajian ini amat penting untuk:

- i) melihat penglibatan aktor negara berusaha untuk menangani sesuatu konflik di peringkat antarabangsa; dan
- ii) membantu memahami campurtangan pihak ketiga dalam sesuatu konflik.

1.7 SOROTAN LITERATUR

Dalam menjalankan kajian ini, penulis telah membuat rujukan daripada buku dan artikel yang dihasilkan oleh sarjana-sarjana. Antaranya adalah seperti berikut:

Pertama, *Sri Lanka's Long War*, artikel yang dihasilkan oleh Miriam Young. Beliau melihat ketegangan kaum yang berlaku di Sri Lanka berpunca daripada zaman penjajahan yang kurang tumpuannya dalam politik dan ekonomi. Ketidakuashati telah berterusan selepas kemerdekaan. Perang ini telah mengambil beberapa tawanan di mana kedua-dua parti secara terang-terangan tidak mengendahkan undang-undang kemanusiaan antarabangsa. Ini menyebabkan jumlah besar

¹³ Ramanathan, K. *Asas Sains Politik*. Edisi Ketiga. (Selangor: Fajar Bakti Sdn Bhd, 1992), m/s 205.

masyarakat awam menderita ekoran tercetusnya konflik ini. Selain itu, perang ini juga menghakiskan pencapaian sosial seperti kesihatan dan pendidikan yang hendak dicapai oleh Sri Lanka.

Amerika Syarikat tidak memberi perhatian dan tumpuan yang patutnya dalam konflik Sri Lanka. Gelaran LTTE sebagai kumpulan terrorist telah menyebabkan kumpulan ini diketepikan oleh masyarakat antarabangsa. Miriam Young juga mencadangkan Washington sepatutnya memberi penekanan kepada Colombo mengenai isu kerajaan dan hak asasi dan menyokong masyarakat awam untuk bekerjasama supaya mencapai keamanan. Selain peranan Amerika Syarikat, Young juga turut menyentuh Norway yang membawa pihak-pihak berkenaan untuk perundingan.

Artikel seterusnya, *Ethnic Imagination and Democratives for Sri Lanka* yang ditulis oleh Jayadeva Uyangoda. Beliau ialah seorang Sinhala dan juga merupakan seorang penulis yang terkenal di Sri Lanka. Beliau telah menulis mengenai resolusi konflik dan demokrasi. Selain itu, beliau melihat Sri Lanka seperti sebuah institusi yang wujud dengan beberapa prinsip normatif yang membawa semua komuniti bersama-sama membina persekutuan politik kolektif. Di samping itu juga beliau menemui dan meyakinkan kelangsungan pendemokrasian dalam ruang politik, iaitu negara, institusi, struktur dan amalan hubungan politik di antara komuniti dan hubungan masyarakat-negara. Beliau juga telah mengemukakan empat model untuk resolusi konflik dan pembinaan semula perlembagaan yang akan menggabungkan empat matlamat resolusi konflik dengan program perkongsian kuasa serta pembinaan kembali perlembagaan. Model-model tersebut ialah *peace liberal* (keamanan terbuka), *consociational constitution*, keamanan melalui model negara, dan *contractarian model*. Walaubagaimanapun, penulis berpendapat bahawa konflik Sri Lanka sukar untuk diselesaikan. Hai ini kerana walaupun terdapat pelbagai model untuk menyelesaikan konflik ini tetapi ia masih gagal dan konflik masih berlanjutan.

Artikel Ketiga, *Norway in Sri Lanka: A 'Soft Superpower' Syndrome?* ditulis oleh N Manoharan pada 2005. Dalam artikel ini beliau membincangkan peranan Norway dalam krisis di Sri Lanka. Beliau telah menganalisisakan Norway dalam konteks antarabangsa. Norway telah melibatkan diri sebagai pihak ketiga dalam proses keamanan iaitu sebanyak lima belas konflik yang berlaku di dunia ini. Norway

merupakan sebuah negara yang kecil, maka Norway tidak dilihat memberi ancaman kepada mana-mana negara. Oleh itu, Norway adalah sesuai untuk menjadi pihak ketiga dalam sesuatu konflik. Selain itu, penulis juga telah menganalisa kebaikan yang terdapat pada Norway. Pengalaman Norway dalam mencari resolusi pendamaian bagi sesuatu konflik dikatakan berpengalaman dan juga mempunyai kemahiran dalam mengatasi konflik yang berlaku.

Walaupun bagaimanapun, penulis telah menyatakan bahawa penglibatan Norway sebagai pihak ketiga tidak bermaksud yang Oslo tidak mempunyai sebarang kepentingan. Penglibatan Norway lebih dalam usaha mencapai status "*Soft Superpower*" iaitu aktor yang berpengaruh dalam masalah antarabangsa. Dalam konteks Sri Lanka, Norway merupakan salah satu penderma utama di Sri Lanka. Selain itu, Norway juga telah membantu Sri Lanka dalam pembangunannya. Campurtangan Norway dalam konflik Sri Lanka adalah dipersetujui oleh kedua-dua pihak yang bertelingkah.

Akhirnya, penulis telah menggariskan ketidakefektifan Norway sebagai pihak ketiga dalam konflik Sri Lanka. Terdapat beberapa punca yang menyebabkan Norway dikatakan tidak efektif. Norway dikatakan lebih berpihak kepada LTTE dan tidak bersifat neutral oleh pihak Sinhala. Pada pihak LTTE pula, mereka melihat Norway tidak dapat mengemukakan permintaan mereka kepada Colombo. Keadaan ini menyukarkan Norway untuk bertindak secara mendalam lagi dalam konflik di Sri Lanka.

Seterusnya, *Ethnic Nationalism and The Discourses of Violence in Sri Lanka* yang dihasilkan oleh Bruce Kapferer. Artikel ini memberi tumpuan kepada dasar paksaan dan keganasan etnik di Sri Lanka oleh kerajaan Sinhala. Ia juga melihat kesan ketika penjajahan dan selepas penjajahan dari segi politik dan ekonomi. Persoalan ini adalah untuk menguji ketepatan perspektif nationalism, etnik dan keganasan ke atas trajedi yang berlaku di Sri Lanka selepas penjajahan.

Rujukan kelima yang penulis telah merujuk adalah tesis yang ditulis oleh Jillian Manekas yang bertajuk "*The Invisible Enemy : Suicide Terrorism Chehnya and Sri Lanka.*" Jillian Manekas merupakan seorang pelajar sarjana bidang sastera dalam bidang undang-undang dan diplomasi. Beliau mengkaji punca berlakunya konflik di

Sri Lanka dan Chehnya. Penulis membezakan bagaimana pengebom berani mati di Chehnya yang mengaitkan tindakan tersebut dengan agama iaitu seorang yang mati ketika berjuang dianggap syahid dan boleh terus masuk ke syurga. Manakala di Sri Lanka pengebom berani mati merupakan satu taktik yang digunakan oleh pejuang LTTE sebagai satu taktik demi menakutkan tentera kerajaan. Zaman penjajahan memberi kesan yang amat besar kepada tercetusnya konflik di Sri Lanka. Oleh itu, jurang diskriminasi adalah besar antara masyarakat Sinhala dan Tamil. Selain itu, beliau telah menggunakan teori *Suicide Terrorism* dalam menilai ideologi yang digunakan oleh LTTE dalam gerakan mereka.

Rujukan keenam, Purnaka L de Silva telah menulis sebuah artikel yang bertajuk *Futures Beyond Conflict* pada tahun 1997. Beliau telah memfokuskan kajian ke atas konflik di Sri Lanka. Penulis telah menyatakan punca utama bagi konflik etnik masa depan (*future ethnic conflict*) adalah penggunaan demokrasi. Oleh itu, penulis artikel ini melihat bahawa kekuatan militari bagi kedua-dua pihak Sinhala dan LTTE adalah penting untuk menentukan samada konflik ini akan berterusan atau akan tamat. Dalam hal ini, sumber kewangan yang diperolehi dari diaspora Tamil dan seluruh dunia dijangka akan mampu memperjuangkan konflik.

1.8 PEMBAHAGIAN BAB

Penulis telah membahagikan kajian ini dalam lima bab. Dalam Bab Pertama, Penulis memberikan penerangan mengenai latar belakang konflik etnik di Sri Lanka. Seterusnya, penulis menghuraikan permasalahan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, konsep, metod pengumpulan data, skop kajian, kepentingan kajian, dan juga kajian-kajian lepas yang dijalankan oleh sarjana lain. Kemudiannya dalam Bab Kedua, '**Konsep Pihak Ketiga**', penulis akan memfokus kepada konsep pihak ketiga dan mengaitkannya dengan Norway sebagai pihak ketiga dalam konflik ini.

Selanjutnya, penulis akan memberikan maklumat yang terperinci mengenai sejarah konflik etnik di Sri Lanka. Selain itu, penulis juga akan menceritakan bagaimana konflik etnik di Sri Lanka tercetus sehingga menyebabkan perang saudara dan pembersihan etnik berlaku di Sri Lanka dikaji dalam Bab Tiga. Penulis juga akan menghuraikan penglibatan India dalam konflik etnik di Sri Lanka. '**Sejarah dan Perkembangan Konflik Etnik di Sri Lanka & Proses Pendamaian India**'

Dalam Bab Empat '**Penglibatan Norway Dalam Konflik Etnik Di Sri Lanka**', penulis akan mengkaji matlamat dan objektif utama bantuan Norway kepada Sri Lanka dan membincang tentang usaha dan tindakan yang diambil oleh Norway. Hasil campur tangan Norway ke atas Sri Lanka sama ada berjaya atau gagal turut dibincangkan.

Akhir sekali, dalam Bab Kelima iaitu Kesimpulan, penulis akan menganalisis dan memberikan komen tentang tindakan yang diambil oleh Norway dengan melibatkan diri dalam konflik etnik di Sri Lanka. Selain itu, penulis akan melihat sama ada kajian ini telah mencapai objektifnya dan teori yang diaplikasikan adalah tepat atau sebaliknya. Akhirnya, penulis memberikan kesimpulan keseluruhan hasil penulisan ini.

BAB 2

KONSEP PIHAK KETIGA

2.0 KONSEP PIHAK KETIGA

Pengantaraan pihak ketiga, terutamanya dalam menyelesaikan masalah konflik dalaman sesebuah negara telah berkembang secara keseluruhan dalam pelbagai konsep dan teori. Konsep pihak ketiga digunakan dalam merujuk kepada seseorang atau sekumpulan penduduk yang terlibat dalam membantu pihak yang bertelingkah untuk mengurus atau menyelesaikan sesuatu konflik. Pihak ketiga disifatkan sebagai pembantu yang cuba untuk membuat satu perjanjian yang boleh diterima oleh kedua-dua belah pihak yang bermusuhan dan juga cuba membawa pihak yang sedang berkonflik ke meja perundingan melalui penyelarasan yang baik dengan tujuan mencapai penyelesaian yang berkekalan.¹⁴

Pada umumnya, pengantaraan (*mediation*) dilihat sebagai satu kemahiran campurtangan dan kesaksamaan perantara yang cuba untuk memudahkan rundingan agar kedua-dua pihak saling menerima penyelesaian bagi isu yang menjadi inti pati kepada pertelingkahan antara pihak-pihak terbabit. Sama juga, pengantara adalah perlu mencintai keamanan, tidak bersifat memaksa dan pendekatan yang tidak mengikat kepada pengurus konflik dan diketengahkan oleh pihak yang mengambil berat, pada masa yang sama mengekalkan kawalan keatas perjanjian. Bercovitch mendefinisikan pengantaraan sebagai,

*"...a process of conflict management where disputants seek the assistance of, or accept an offer of helping from an individual, group, state or organization to settle their conflict or resolve their differences without resorting to physical force or invoking the authority of the law..."*¹⁵

¹⁴ "third party" dalam <http://www.colorado.edu/conflict/peace/treatment/3ptyint.htm> dimuat turun pada 3 March 2009

¹⁵ Jacob Bercovitch, J.Theodore Anagnoson & Donnettel, 1991: "Some Conceptual Issues and Empirical Trends In the Study of Successful Mediation in International Relations" *Journal of Peace Research*, Vol.28, No.01, (hlm 9).



Merujuk kepada satu proses pengurusan konflik dimana pihak-pihak yang bertelingkah mencari atau menerima bantuan daripada individu, kumpulan, negara atau organisasi untuk menyelesaikan konflik ataupun perbezaan di antara pihak yang terlibat tanpa penggunaan tenaga fizikal(ketenteraan) atau merujuk kepada autoriti undang-undang.

Selain itu, seperti mana yang dikemukakan oleh Baruch dan Joseph Folger(1994) dalam perubahan potensi disiplin, pengantaraan difahamkan sebagai,

"...an informal process in which a neutral third-party with no power to impose a resolution, helps the disputing parties to try for reaching a mutually acceptable settlement" (Bush and Folger, 1994).

Merujuk kepada satu proses yang tidak formal dimana pihak ketiga yang berkecuali (tidak berpihak kepada mana-mana pihak), dengan ketiadaan kuasa yang boleh memaksa dalam resolusi, membantu pihak yang bertelingkah untuk mencapai jalan penyelesaian yang dipersetujui.

Pengantaraan konflik bertujuan untuk membawa pihak yang berkonflik ke satu resolusi yang aman tanpa menggunakan kekerasan. Dalam pengantara, pihak ketiga bukan sahaja membawa pesanan tetapi juga memberi mereka cadangan dalam penyelesaian.

Oleh itu, pengantaraan adalah satu kaedah berorientasikan tugas terutamanya dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi bersama oleh pihak tertentu¹⁶; pada umumnya pula, pengantaraan tidak mengambil berat secara langsung pada hubungan sosial semula jadi antara pihak. Pengantaraan pihak ketiga boleh digunakan oleh dua pihak yang bertelingkah dalam bentuk hubungan dua hala. Ia juga boleh melibatkan pelbagai pihak apabila pengantaraan ini dipanggil untuk memberikan bantuan di dalam rundingan pelbagai hala.

Campurtangan pihak ketiga adalah tindak balas yang lazim dalam konflik sosial yang membinasakan dan yang berulang-ulang, yang datang dalam pelbagai bentuk dan diiringi oleh pelbagai isu. Identiti pihak ketiga haruslah dipertimbangkan seperti yang sepatutnya, terlebih-lebih lagi dari segi hubungan pihak ketiga dengan

¹⁶ "third party" dalam <http://www.colorado.edu/conflict/peace/treatment/3ptyint.htm> dimuat turun pada 3 March 2009

RUJUKAN

AKHBAR

BBC (2006, 8 Mac). Norway supported boycott of Israeli goods. http://news.bbc.co.uk/2/hi/south_asia/5055012.stm. dimuat turun pada April 2009.

Jeyaraj, D.B.S.,. 2000. "A Norwegian initiative" India's National Magazine from the publishers of the hindu, Volume 17 - Issue 05, Mar. 04 – 17.

Malawaraarachchi, Bharatha and Wijayapala, Ranil (2005). "President tells Parliament: Negotiations only way to peace", Daily News, dalam <http://www.dailynews.lk/2005/11/26/> dimuat turun pada 27 February 2009

BUKU

Calvocoressi, Peter. 1993. *Politik Dunia Sejak 1945*. Abdul Ghaffar Laili (terj.). Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

De Silva, Kingsley. & O'Brien, Jillian (Eds). 2006. "South Asia 2007" (4th Edition). London & New York : Routledge Taylor.

Dhanapala, J.,. 2005. "Sri Lanka Peace Process: Problems and Prospects" Secretariat for Coordinating the Peace Process, and Senior Adviser to the President of Sri Lanka : Washington D.C.

Evans, Graham & Newnham, Jeffrey. 1998. *The Penguin Dictionary of International Relations*. London: Penguin Books.

Jackson, Robert & Sorenson, Georg. 1999. "Introduction to International Relations Theories and Approach". Second Edition. New Yorkz: Oxford University.

Kegley, Charles W. Jr. and Eugene R. Wittkopf. 2004. "World Politics: Trend and Transformation" (Ninth Edition), United States of America: Thomson Wadsworth.

- Ramsbotham, Oliver & Woodhouse, Tom. 1996. *Humanitarian Intervention in Contemporary Conflict*. Cambridge: Policy Press.
- Taras, Raymond C. & Ganguly, Rajat. 2002. *Understanding Ethnic Conflict*. New York: Longman.
- Uyangoda, Jayadeva. 2007. "Ethnic Conflict in Sri Lanka: Changing Dynamics". *Policy Studies* 32. Washington : East-West Center Washington.

JURNAL

- Bercovitch, Jacob, Anagnoson, J.Theodore. & Donnettel. 1991. "Some Conceptual Issues and Empirical Trends In the Study of Successful Mediation in International Relations" *Journal of Peace Research*, Vol.28, No.01. pp 7-17.
- Bouffard, S,. & Carment, D. 2006. "The Sri Lanka Peace Process". *Journal Of South Asia Development*. pp.150-177
- Biswas, B,. 2006. "The Challenges of Conflict Management: A Case Study of Sri Lanka" *Civil Wars*, Vol.8, No.1, pp.46-65.
- Crocker, A., Hampson, and Aall R., 2003. "Ready for Prime Time: The When, Who, and Why of International Mediation, in Negotiation". *Journal-on the Process of Dispute Settlement*, 19 (2), pp. 151-167
- Carment, David. & Patrick, James. 1996. "Two-Level Games and Third-Party Intervention: Evidence from Ethnic Conflict in the Balkans and South Asia." *Canadian Journal of Political Science / Revue canadienne de science politique*, Vol. 29, No. 3. pp. 521-554.
- De Silva, Purnaka L. 1997. "Sri Lanka Futures Beyond Conflict", *Futures*, Volume 29, Issue 10, December 1997, pp, 971-983
- Intiyaz, A.R.M,. & Stavis, Ben. 2008. "Ethno-Political Conflict in Sri Lanka". *Journal of Third World Studies*. Vol. XXV. No. 2.
- Kapferer, Bruce. 2001. "Ethnic Nationalism and the Discourses of Violence in Sri Lanka". *Communal/Plural*, Vol. 9, No. 1, pp.34-67.

- Kleiboer, Marieke. 1996: "Understanding Success and Failure of international Mediation", *Journal of Conflict Resolution*, 40, 02: pp. 360-389
- Stokkek, Kristian. 1998. "Sinhalese and Tamil nationalism as post-colonial political projects from 'above', 1948-1983". *Political Geography*, Vol. 17, No. 1. pp. 83-113.
- Ofstad, Arve . 2002. "Countries in Violent Conflict and Aid Strategies: The Case of Sri Lanka" *World Development* Vol. 30, No. 2, pp. 165–180.
- Palihapitiy, Madhawa. "Of a Norwegian Summer And A Viking Intervention In Sri Lanka" *Asian Journal of Public Affairs*, pp. 1-15.
- Regan, Patrick M. (1998). "Choosing to Intervene: Outside Interventions in Internal Conflicts" *The Journal of Politics*, Vol. 60, No. 3., pp. 754-779.
- Smith, Chris. 2003. "In the Shadow of a Cease-fire: The Impacts of Small Arms Availability and Misuse in Sri Lanka". *Occasional Paper No. 11. Small Army Survey, Geneva*.
- Uyangoda, Jayadeva. 2005. "Ethnic Conflict, Ethnic Imagination and Democratic Alternatives for Sri Lanka". *Futures* 37, Elsevier Science Ltd. Pp. 959-988.
- Wickramasinghe, Nira. 2006. "Sri Lanka's Conflict : Culture and Lineages Of The Past" *Journal of International Affairs*, vol. 60, no. 1. pp.107-124

Laman Web

- "Development Co-operation between Norway and Sri Lanka" dalam <http://www.norway.lk/Development/Bistand+oversikt.htm> dimuat turun pada 6 March 2009
- Fisher, J,. 2001 "Method of Third Party Intervention", Berghof Research Center for Constructive:Germany.
- "History of Sri Lanka" dalam <http://www.infolanka.com/org/srilanka/issues/kumari.html> dimuat turun pada 28 Oktober 2008

- Jayawardhana, Kumari. 1987. "Ethnic Conflict In Sri Lanka and Regional Security"
LankaLibrary.com .
- Kumar, SY Surendra. "*Peace Process In Sri Lanka : The Stumbling Block*" dalam
http://www.ipcs.org/article_details.php?articleNo=772 dimuat turun pada 6
April 2009
- Loganathan, Ketheshwaran & Ropers, Norbert. 2002. "Conceptualizing a Road Map
for Peace in Sri Lanka".
- Nakagawa, Melanie. 2004. "Sri Lanka : negotiating an interim agreement", Briefing
Packet for Government of Sri Lanka Delegation Negotiation Simulation.
- "News : Norway brokers Sri Lanka peace" dalam
<http://www.norway.org/News/archive/2002/200201srilanka.htm> dimuat turun
pada 16 April 2009
- "Norway Hosts Peace Mediator Conference" dalam
<http://www.norway.org.my/policy/peace/osloforum.htm> dimuat turun pada
21 March 2009
- "Norway Mediation in conflict sri lanka" dalam
http://papers.ssrn.com/sol3/papers.cfm?abstract_id=1094339 dimuat turun
pada 3 April 2009
- "Norway Most Peaceful in the world" dalam
<http://www.norway.org.my/policy/peace/peace.htm> dimuat turun pada 21
March 2009
- "Norway's Peace and Reconciliation Efforts in Different Parts of The World" dalam
<http://www.norway.org.my/policy/peace/peace/peace.htm> dimuat turun pada
21 March 2009
- "Norwegian Seminar on Peace, Mediation and Reconciliation" dalam
[www.egmontinstitute.be/speechnotes/02-03/030521_Petersen%20Norv-
BE.pdf](http://www.egmontinstitute.be/speechnotes/02-03/030521_Petersen%20Norv-BE.pdf) dimuat turun pada 4 april 2009
- Manoharan, N,. 2006. "Mission Impossible : Sri Lanka Monitoring Mission In Crisis"
dalam http://www.ipcs.org/article_details.php?articleNo=2099 dimuat turun
pada 6 April 2009
- Manoharan, N,. 2006. "Sri Lanka: Donos' Co-Chairs meeting" dalam

http://www.ipcs.org/article_details.php?articleNo=2118 dimuat turun pada 6 April 2009

Manoharan, N,. 2005. "Norway in Sri Lanka: A 'Soft Superpower' Syndrome?", Article in Research Officer, IPCS

Sarvananthan, M. & Indra, S,. 2005. "Norwegian role in the Sri Lankan conflict " dalam http://www.defence.lk/new.asp?fname=20080113_05 dimuat turun pada 9 March 2009

"Sri Lanka" dalam http://en.wikipedia.org/Sri_Lanka dimuat turun pada 7 November 2008

"*Sri Lanka: The ethnic divide*" dalam http://news.bbc.co.uk/2/hi/south_asia/514577.stm dimuat turun pada 3 April 2009

"*Sri Lanka: The Failure of Peace Process*". 28 November 2006. International Crisis Group, Asia Report N° 124.

"The Hidden Truth behind the sri Lankan Peace Process" dalam <http://www.globalpolitician.com/22248-sri-lanka-sri> dimuat turun pada 3 Apr 2009

"Third Party" dalam <http://www.colorado.edu/conflict/peace/treatment/3ptyint.htm> dimuat turun pada 3 March 2009

Wije, Dias. 2002. "*Sri Lankan government and LTTE sign a tentative cease-fire agreement*" dalam <http://www.wsws.org/articles/2002/feb2002/sri-f27.shtml> dimuat turun pada 8 March 2009

Young, Miriam. 2000. "Sri Lanka's Long War". Asia Pacific Center for Justice and Peace.

Tesis

Jillian Manekas. 2005. "The Invisible Enemy : Suicide Terrorism In Chehnya And Sri Lanka" Tesis Sarjana Universiti Tufts.